

SENTRAL

HUBUNGI KUALA SENTRAL NUR FARHANA ABDUL MANAN - 019-6680275, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019 - 6680261

112 saman dikeluarkan IPD Kuala Langat

KUALA LANGAT - Tidak memamerkan cukai jalan dikesan menjadi antara kesalahan popular dilakukan pengguna jalan raya dari arah Banting ke Jugra sepanjang Op Lampu Merah dilaksana Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat di laluan Banting ke Jugra, semalam.

Ketua Trafik IPD Kuala Langat, Asisten Superintendan Aizuddin Musa berkata, dalam operasi tersebut lebih lima pemandu kenderaan diberi amaran serta -merta untuk memasang cukai jalan di cermin kenderaan mereka.

Menurutnya, kebanyakan pengguna memaklumkan mereka mempunyai cukai jalan namun tidak dipamerkan atas pelbagai alasan termasuk tidak boleh dilekat pada cermin.

"Kami arahkan mereka tampil cukai jalan serta -merta memandangkan kebanyakan mereka mengambil sikap sambil lewa terhadap perkara itu," katanya sempena Op Lampu Merah di Jalan Banting ke Jugra, di sini.



Antara penunggang motosikal yang ditahan dalam Op Lampu Merah di Jalan Banting ke Jugra, semalam.

Aizuddin berkata, dalam operasi tersebut 112 saman dikeluarkan atas pelbagai kesalahan dalam tempoh satu jam.

Penunggang motosikal direkod antara pengguna jalan raya yang terbanyak melakukan kesalahan melanggar lampu isyarat iaitu lebih 10 kes.

Menurutnya, 24 pengguna jalan

raya dikesan tidak memakai tali pinggang keledar dan empat lagi dikenakan saman kerana menggunakan telefon bimbit.

"Seramai 12 anggota termasuk dua pegawai ditugaskan dalam operasi bermula jam 10 pagi dan tamat jam 12.30 tengah hari di dua laluan utama iaitu di laluan jalan Banting ke Jugra dan Jugra ke Banting.

Lampu merah jumlah tertinggi

PETALING JAYA - Polis Diraja Malaysia (PDRM) Selangor mengeluarkan 1,169 saman dalam Operasi Lampu Merah sempena Ops Selamat yang diadakan serentak seluruh negeri, semalam.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Selangor, Superintenden Azman Sharif berkata, tiada kenderaan disita namun satu tangkapan membabitkan waran dibuat bagi kawasan Sepang.

Menurutnya, dalam operasi bermula jam 10 pagi itu, kesalahan lampu merah mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 291 kes diikuti tiada lesen pemandu 222 kes dan nombor pendaftaran 108 kes.

"Lain-lain kesalahan termasuk tiada cukai jalan sebanyak 72 saman, diikuti tiada cermin sisi 50 kesalahan dan tidak memakai topi keledar empat kes.

Sementara lain-lain kesalahan merekodkan 422 kes.

"Operasi peringkat kontinjen Selangor itu sebagai langkah pencegahan kemalangan jalan raya dan jenayah termasuk pecah rumah serta curi kereta selain mengesan kesalahan lalu lintas" katanya semalam.

Mengulas perkembangan statistik Ops Selamat di Selangor, beliau memaklumkan terdapat perkembangan positif apabila jumlah kesalahan dan kadar kemalangan menunjukkan penurunan.

"Sebanyak empat peratus penurunan kes kemalangan dicatatkan berbanding tahun sebelumnya.

"Meskipun Ops Selamat berakhir hari ini (semalam) namun penguatkuasaan tetap diteruskan dengan penekanan terhadap kesalahan melanggar lampu isyarat yang merupakan pe-

Rebut hadiah RM 20,000

MORIB - Kaki pancing di seluruh negara berpeluang merebut hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah lebih RM20,000 sempena Cabaran Pantai Morib, Sabtu ini.

Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dalam satu kenyataan memaklumkan, johan pertandingan bakal membawa pulang wang tunai berjumlah RM 12,000 manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing ditawarkan hadiah sebanyak RM3,000 dan RM 1,000.

Program bermula jam 8 pagi dan berakhir jam 12 tengah hari itu dijangka menjadi tumpuan pengunjung.

Mini Karnival Usahawan Belia

BANTING BARU - Orang ramai dijemput memeriahkan Mini Karnival Usahawan Belia 2018 bertempat di Tasik Taman Banting Baru pada 24 dan 25 Februari ini.

Ahli Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Lim Tou Yih berkata, pelbagai acara menarik seperti pertandingan memancing akan dianjurkan untuk pengunjung.

Menurutnya, program itu menggalakkan masyarakat untuk menjalankan kehidupan aktif dan mewujudkan komuniti yang sihat.

Van jenazah percuma

Kemudahan disediakan untuk penduduk kurang berkemampuan

NUR FARHANA ABDUL MANAN

PUCHONG

Selepas Pasar 10 sen, Rumah RM1, ambulans 10 sen dan teksi 10 sen diwujudkan, Persatuan Kepolisan Masyarakat (CP) Malaysia kini memperkenalkan pula khidmat van jenazah percuma untuk digunakan penduduk kurang berkemampuan di sekitar Puchong.

Presidennya, Kuan Chee Heng atau lebih dikenali sebagai Uncle Kentang berkata, van tersebut diterima pihak persatuan hasil sumbangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi baru-baru ini.

Menurutnya, beliau terdetik mewujudkan kemudahan itu selepas melihat kesukaran waris tidak berkemampuan yang mempunyai ahli keluarga meninggal dunia membawa balik jenazah dari hospital atau pulang ke kampung halaman.

"Kami ada buat khidmat ambulans 10 sen dan teksi 10 sen tapi ia tak boleh bawa orang yang meninggal dunia, jadi di situ kita lihat ada ke-



Kemudahan van jenazah percuma yang disediakan untuk penduduk kurang berkemampuan.

perluan van jenazah ini.

"Terima kasih kepada timbalan perdana menteri yang prihatin dan sumbangkan kemudahan untuk digunakan oleh orang Puchong," katanya.

Chee Heng berkata, pihaknya

juga akan berhubung dengan pihak hospital terdekat dan mengenalpasti waris yang memerlukan khidmat tersebut.

"Jika waris berkemampuan, akan dikenakan sedikit bayaran namun jika sebaliknya khidmat peng-

Terima kasih kepada timbalan perdana menteri yang sumbangkan kemudahan untuk digunakan orang Puchong.

- Kuan Chee Heng

hantaran jenazah ditawarkan secara percuma.

"Saya bawa berita baik kepada penduduk Puchong, jika mereka terdiri daripada keluarga kurang berada, kami akan permudahkan urusan mereka.

"Kalau ada keperluan kita tak akan ragu-ragu untuk bantu mereka yang memerlukan.

"Apa yang penting supaya kita dapat uruskan jenazah dengan cepat, elok dan sempurna. Permudahkan orang lain, kita harap tuhan akan permudahkan kita semua," katanya.

Terdahulu, persatuan berkenaan pernah memperkenalkan khidmat kemudahan ambulans, teksi dan jualan barang dengan hanya mengenakan harga 10 sen bagi membantu golongan tidak berkemampuan sekitar Puchong.